



مجلس سلاغناران سلاغنار  
Majlis Perbandaran Selayang

**TEKS UCAPAN  
YBRS. TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI A.M.S., P.P.T.  
TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 3/2023**

**31 MAC 2023 | JUMAAT**

**9.00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' (Dr)**  
**Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**  
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis

MPS                    Bil.3/2023                    bagi                    bulan                    Mac  
pada pagi yang berbahagia ini.

## **1. UCAPAN SELAMAT BERPUASA**

- 1.1 Hari ini merupakan hari kesembilan kita di bulan mulia iaitu Ramadan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada yang beragama Islam.
- 1.2 Semoga Ramadan kali ini kita semua akan sentiasa diberkati oleh Allah SWT dan dihujani kerahmatan daripada-Nya. InsyaAllah.

## **2. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

- 2.1 Untuk makluman, sehingga 28 Februari 2023, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa Tahun 2023 sebanyak RM 41 juta (72.06%) daripada RM 57 juta.
- 2.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 3.6 juta (30.12%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM12 juta.

## **3. NOTIS (BORANG E)**

- 3.1 Untuk makluman, pihak MPS telah mengeluarkan notis (Borang E) kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan selepas tamat tempoh bayaran pada 28 Februari 2023 yang lalu dengan caj tambahan sebanyak RM 20.00. Tempoh notis akan tamat pada 31 Mac 2023 iaitu pada hari ini. Pemilik akan dikenakan tindakan waran tahanan dengan caj tahanan sebanyak RM 100.00 mulai esok, 1 April 2023.
  
- 3.2 MPS juga sedang mengadakan kempen bayaran cukai taksiran melalui dalam talian (online) iaitu MyMPS, Lazada, Shopee dan Cepat bermula Januari 2023.

#### **4. PERBAHARUI DAN BAYAR LESEN PERNIAGAAN DI PORTAL MYMPS**

- 4.1 Selain itu, MPS juga telah menaiktaraf portal MyMPS. Para peniaga boleh membuat semakan, memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan serta perancang di pautan <https://mymps.mps.gov.my>.
  
- 4.2 Jumlah kutipan yang diterima pada bulan Februari 2023 merangkumi:

- i. Lesen perniagaan sebanyak RM 457,068.38 iaitu sebanyak 572 transaksi,
- ii. Sewaan gerai sebanyak RM 255,926.98 iaitu sebanyak 743 transaksi,
- iii. Permit bangunan dan perancang sebanyak RM 415,215.57 iaitu sebanyak 54 transaksi.

## **5. KAJI SELIDIK BELANJAWAN 2024 MPS**

- 5.1 Bagi memastikan perancangan belanjawan 2024 MPS mampan, komprehensif dan inklusif serta memenuhi kehendak *stakeholder* MPS, satu Kaji Selidik Belanjawan 2024 MPS akan dijalankan secara dalam talian bermula 1 hingga 22 April 2023.
- 5.2 Keterlibatan masyarakat di pentadbiran Selayang untuk menjalankan kajian berkenaan infrastruktur, perkhidmatan, kemudahan awam dan sosial dan kemasyarakatan selain memberi pandangan terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh MPS adalah amat dialu-alukan.
- 5.3 Oleh itu, saya berharap agar semua Ahli Majlis dapat menguar-uarkan kepada penduduk di zon masing-

masing untuk mengisi kaji selidik ini. Kaji selidik ini boleh diisi melalui pautan di laman web MPS, platform media sosial MPS yang akan dimuat naik esok.

## **6. PROGRAM MPS SEMPENA RAMADAN**

- 6.1 Sempena Ramadan ini, MPS akan menganjurkan pelbagai program ilmiah antaranya, pada 10 April 2023 akan datang, Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS akan menganjurkan Program Ihya Ramadan Peringkat MPS 2023 di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Kasih Templer Autisma, Taman Seri Melati.
- 6.2 Sumbangan berupa barang keperluan dan wang tunai akan diserahkan kepada 51 orang penerima dan semoga juga setiap sumbangan akan dibalas dengan sebaik-baik ganjaran dan mendapat keredhaan daripada Allah SWT.
- 6.3 Dalam pada masa yang sama pada tarikh tersebut juga, Kelab Sukan dan Kebajikan MPS akan menganjurkan Program Kembara Kasih Ramadan MPS di Rumah Kasih Sayang, Bandar Tasik Puteri Rawang.

- 6.4 Sumbangan berupa pek makanan dan wang tunai akan diserahkan kepada anak-anak yatim di rumah kebajikan tersebut dan semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka semua. Mudah-mudahan.
- 6.5 Selain itu, pada 17 April 2023, MPS akan mengadakan Perhimpunan Bulanan dan Ceramah Ambang Syawal di mana ceramah akan disampaikan oleh
- 6.6 Di samping itu, Kelab Sukan dan Kebajikan MPS juga akan menganjurkan Program Rendang Sekampung pada 18 April 2023 dan akan memasak 20 kawah rendang ayam buat kakitangan MPS dan golongan asnaf. Semoga juga niat murni kita berkongsi rezeki ini akan sentiasa diberkati oleh Allah SWT.
- 6.7 Untuk makluman juga, kaunter zakat juga akan dibuka mulai 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, pada 17 dan 18 April 2023 bertempat di Lobi Menara MPS. Jika tuan-tuan dan puan-puan belum menunaikan zakat pada ketika itu, boleh la berbuat demikian bagi melengkapkan rukun Islam yang keempat.
- 6.8 Diharapkan komitmen daripada semua pihak.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.